



Koperasi Kakitangan
— L P P K N —
4697

LAPORAN TAHUNAN 2022

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-27

17 JUN 2023

CARTA ORGANISASI



Koperasi Kakitangan
LPPKN



PENGERUSI

AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD



SETIAUSAHA

MOHD AZMY BIN JAKOMAR



BENDA HARI

SARIDA BINTI HJ SALEH

BIRO PENGGUNA/PERNIAGAAN



RINAWATI BINTI
MOHAMED NAWAWI



SALLEHUDDIN BIN ISMAIL

BIRO PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN



NOR ASHIKIN BINTI SAAD



MOHD FIRDAUS BIN MAZALAN

BIRO PELABURAN



SYED IZMAN BIN
SYED AZIZ AL KHADRI



NORHAMIZAN BIN HASHIM

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



NOR AZIAH BINTI
MOHAMED MAHAYUDDIN



NOOR HAFIZA BINTI IBRAHIM



NURHAZIYAH BINTI
HJ MOHAMMAD RADZUAN

PENGURUSAN KOPERASI



PENGURUS

NADIRA BINTI MOHD ZAMEIL



PERSONNEL ADMIN

WAN AHMAD FAIZ BIN
WAN MD DIN



PERSONNEL AKAUN

NUR AINA HUMAIRA BINTI
SHAHIDAN



PERSONNEL ADMIN

KOSONG





KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD. (4697)

NO 12B, TINGKAT 9, BANGUNAN LPPKN, JALAN RAJA LAUT, 50350 KUALA LUMPUR

Tel / Fax : 03 - 26928661, 03 - 26937555 Sambungan. 3900

Email : koperasilppkn@gmail.com

Rujukan Kami: Bil (27) KKLPPKN/MP/1

2 Jun 2023

Anggota Anggota Koperasi Yang Dihormati,

Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

Adalah dengan hormatnya saya bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi mengemukakan Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi Tahun Kewangan 2022 bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2022 untuk makluman dan perhatian tuan / puan.

Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan dan kerjasama tuan / puan kepada Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas

(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setiausaha Kehormat

Koperasi Kakitangan LPPKN (M) BHD.

ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1.	Perutusan Pengerusi	1 - 2
2.	Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 27	3
3.	Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 27	4
4.	Maklumat Koperasi	5
5.	Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 26	6 – 19
6.	Senarai Kehadiran Perwakilan Untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 26 dan Jawatankuasa Menentusah Minit	20 – 21
7.	Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad Bagi Tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2022	22 – 27
8.	Laporan Biro-Biro	28 – 35
9.	Laporan Jawatankuasa Audit Dalamann Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022.	36 – 42
10.	Membentangkan Usul-Usul Untuk Dibahaskan	43 – 46
11.	Laporan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 Yang Telah Di Audit.	47 – 90
12.	Anggaran Tahun 2023/2024	91 – 98
13.	Produk-produk Koperasi Kakitangan LPPKN	99 - 101

PERUTUSAN PENGGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu marilah kita memanjat kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana berkat dan izinNya dapat kita berkumpul sekali lagi dan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd.

Bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, saya mengalu-alukan para perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-27. Sebagai perwakilan kawasan masing-masing, tuan/puan diberi peluang untuk bukan sahaja mengemukakan komen dan kritikan mengenai perjalanan Koperasi tetapi juga diberi peluang untuk menyumbang idea-idea baru yang lebih efektif kepada koperasi disamping mewujudkan hubungan yang berterusan pada masa akan datang yang boleh memajukan lagi Koperasi kita. Dalam setiap mesyuarat mungkin akan terdapat percanggahan pendapat dan kritikan yang menyinggung perasaan. Seperti yang kita semua maklum, cabaran besar selepas mengharungi pandemik COVID-19 akan terus memberi impak kepada kita semua dan Koperasi khususnya. Namun begitu, kita tidak boleh putus asa, ramai yang sukar untuk meneruskan perniagaan manakala ada juga yang gulung tikar kerana telah menanggung terlalu banyak kerugian, dan kita di koperasi terus mengamalkan budaya norma baharu dalam pentadbiran dan perniagaan kita. Saya mengibaratkan situasi ini seperti sebuah kereta tanpa minyak sehingga mendapat minyak kembali, kita perlu terus memastikan kereta tersebut masih berjalan supaya enjinnya tidak rosak sepenuhnya.

Seperti yang diamanahkan, Anggota Lembaga Koperasi telah cuba mempelbagaikan usaha untuk memajukan Koperasi kita. Koperasi masih berteraskan tiga objektif strategi bagi memajukan Koperasi kita iaitu Meningkatkan Sistem Penyampaian, Diversifikasi Perniagaan, dan Prestasi Kewangan yang Mampan masih diteruskan. Sistem pengurusan perniagaan dan kewangan telah ditambahbaik dengan mengaplikasikan sistem teknologi maklumat bagi tadbir urus yang lebih dinamik dan cekap bagi manfaat kepada semua ahli Koperasi. Pada tahun 2022 juga, kami memberikan lebih tumpuan kepada mempergiatkan lagi aktiviti kredit dan pelaburan sama ada pelaburan jangka pendek mahupun pelaburan jangka panjang.

Nilai bersih aset Koperasi masih melebihi RM11.4 Juta pada akhir tahun 2022 dan angka ini dilihat sedikit menurun dari tahun sebelumnya. Dalam tahun 2022 juga, Koperasi telah memperoleh pendapatan sebanyak RM716,438.00 berbanding RM866,965.00 pada tahun 2021. Manakala perbelanjaan koperasi sedikit menurun pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM468,500.00 berbanding perbelanjaan 2021 iaitu RM471,068.00. Tahun 2022 keuntungan bersih agak menyusut daripada RM325,510.00 pada tahun 2021 kepada RM217,945.00 pada tahun 2022. Koperasi juga komited untuk terus meningkatkan prestasi dan kecekapan operasi perniagaan dan mengekalkan aliran tunai yang positif.

Sebelum mengakhiri kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Anggota Lembaga Koperasi dan kakitangan pengurusan yang telah bertungkus-lumus untuk mempertingkatkan prestasi Koperasi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Audit Dalam yang telah memberi pandangan dan nasihat bagi melancarkan lagi urusan koperasi. Ucapan terima kasih dipanjangkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang telah banyak memberi nasihat, cadangan serta pandangan dan pengurusan dan pentadbiran Koperasi. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ahli Koperasi dan Pengurusan LPPKN yang sentiasa memberi sokongan padu dan kerjasama dalam memajukan Koperasi ini.

Sekian dan selamat maju jaya dan terima kasih.

Salam hormat dari saya



(AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD)

Pengerusi,

Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 27

Tuan / Puan,

MAJLIS PERASMIAN DAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 27

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 27 akan diakan seperti berikut:

Tarikh : 17 Jun 2023 (Sabtu)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Auditorium Tingkat 13, Bangunan LPPKN

Bersama-sama ini disertakan dokumen -dokumen di bawah untuk perhatian tuan/puan:

1. Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 27
2. Borang Usul. (Borang ini hendaklah dikembalikan kepada Setiausaha Koperasi Kakitangan LPPKN tidak lewat dari 9/6/2023 pukul 5.00 petang)
3. Borang Pengesahan Kehadiran dan Borang Pencalonan Koperasi Kakitangan LPPKN Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 27.

Tuan / Puan adalah dijemput hadir untuk melaksanakan amanah sebagai perwakilan.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas,



(MOHD AZMY JAKOMAR)
Setiausaha Kehormat
Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

AGENDA MESYUARAT AGUNG

1. Melantik Pengerusi sementara mesyuarat
2. Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 26 yang telah diadakan pada 25 Jun 2022 bertempat di Auditorium LPPKN, Aras 13 Bangunan LPPKN.
3. Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi tahun 2023-2024
4. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang Perwakilan dan empat orang Anggota Lembaga Koperasi termasuk Pengerusi untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 27.
5. Menimbang dan Menerima Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 01 Januari hingga 31 Disember 2022.
6. Pembentangan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.
7. Menerima Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 yang teraudit.
8. Meluluskan cadangan pembahagian keuntungan di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi
 - 8.1. Membayar dividen caruman kepada anggota -anggota
 - 8.2. Membayar dividen saham kepada anggota – anggota
 - 8.3. Membayar saguhati Kehormat (Honorarium) kepada Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun kewangan 2022.
9. Membenarkan Anggota Lembaga Koperasi Membuat Pelaburan mengikut Undang undang Kecil
 - 9.1 Perkara 34(1)(k) iaitu "menentukan had maksimum keterhutangan koperasi ini". Anggaran jumlah maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja)
 - 9.2 Perkara 34(1)(i) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi dengan anggaran maksimum RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja)
10. Membentang Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi sesi tahun 2023–2024
11. Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi.
12. Membentang Usul (Jika ada)
13. Meminda Undang-Undang Kecil Koperasi (Pindaan 2010) (Jika ada)
14. Hal-hal Lain.
15. Ulasan daripada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Sekian, terima kasih

Yang Menjalankan Tugas,


(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setiausaha Kehormat

Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

MAKLUMAT KOPERASI

A. ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI 2022 - 2023

- | | |
|---|--------------|
| 1. En. Ahmad Hashimi bin Mohammad | > Pengerusi |
| 2. En. Mohd Azmy bin Jakomar | > Setiausaha |
| 3. Pn. Sarida binti Hj Saleh | > Bendahari |
| 4. Pn. Rinawati binti Mohamed Nawawi | > Ahli |
| 5. Pn. Nor Ashikin binti Saad | > Ahli |
| 6. En. Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri | > Ahli |
| 7. En. Norhamizan bin Hashim | > Ahli |
| 8. En. Mohd Firdaus bin Mazalan | > Ahli |
| 9. En. Salehuddin bin Ismail | > Ahli |

B. Juruaudit Dalam

1. Pn. Nor Aziah binti Mohamed Mahayuddin
2. Pn. Noor Hafiza binti Ibrahim
3. Pn. Nurhaziyah binti Muhammad Radzuan

C. Pengurusan Koperasi

- | | |
|---|-------------------|
| 1. Pn. Nadira binti Mohd Zameil | > Pengurus |
| 2. Cik. Nur Aina Humaira binti Shahidan | > Personnel Akaun |
| 3. En. Wan Ahmad Faiz bin Wan Md Din | > Personnel Admin |

D. Pejabat Berdaftar

Tingkat 9, Bangunan LPPKN
No: 12 B Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

E. No. Telefon/Fax : 03-26928661, 03-26137555 samb. 3900

Laman Sesawang : <http://www.koperasilppkn.com>
Email : koperasilppkn@gmail.com

F. Juruaudit

Bahagian Audit Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan, Off Jalan
Semantan, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

G. Bank : Maybank Cawangan Wisma Sime Darby, Jalan Raja Laut, K. Lumpur

Bank Rakyat Cawangan Jalan Ipoh, Kuala Lumpur

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 26

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
KALI KE 26
KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD**

TARIKH : 25 JUN 2022

MASA : 10.00 PAGI

TEMPAT : AUDITORIUM TINGKAT 13, BANGUNAN LPPKN
JALAN RAJA LAUT, 50650 KUALA LUMPUR

KEHADIRAN

Seramai 38 orang termasuk sembilan (9) orang Anggota Lembaga Koperasi, tiga (3) orang Juruaudit Dalam Koperasi dan 26 orang anggota perwakilan telah hadir ke Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 26 di Auditorium Tingkat 13, Bangunan LPPKN. Senarai nama adalah seperti di **Lampiran A**.

1. UCAPAN ALUAN Pengerusi Koperasi Kakitangan LPPKN (M) BERHAD

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Wan Ahmad Faiz bin Wan Md Din. Seterusnya diikuti oleh ucapan aluan oleh Pengerusi Koperasi Kakitangan LPPKN yang antara lain telah memaklumkan perkara-perkara seperti berikut:

- 1.1 Mengalukan kehadiran semua perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 26 dan berharap dapat memberi peluang kepada para perwakilan untuk mengemukakan komen dan kritikan serta menyumbang idea-idea yang baharu dan bernas yang boleh memajukan lagi Koperasi.
- 1.2 Koperasi turut sama menerima impak akibat Covid-19, namun setelah berada dalam fasa endemik, Koperasi tidak berputus asa dan akan terus mengamalkan budaya norma baharu dalam pentadbiran dan perniagaan Koperasi.
- 1.3 Koperasi masih berteraskan tiga objektif strategi bagi memajukan Koperasi iaitu Meningkatkan Sistem Penyampaian, Diversifikasi Perniagaan dan Prestasi Kewangan yang Mampan.
- 1.4 Sistem pengurusan perniagaan dan kewangan telah ditambahbaik dengan mengaplikasikan sistem teknologi maklumat bagi tadbir urus yang lebih dinamik dan cekap untuk manfaat semua ahli Koperasi.
- 1.5 Nilai bersih aset Koperasi adalah melebihi RM11.6 Juta pada akhir tahun 2021 dan angka ini sebenarnya dilihat sedikit menurun dari tahun sebelumnya. Koperasi telah memperoleh pendapatan sebanyak RM796,578.00 berbanding RM1,036,910.00 pada tahun 2020 atas penjualan aset Koperasi.
- 1.6 Perbelanjaan Koperasi meningkat pada tahun 2021 iaitu sebanyak RM121,412.00 berbanding RM80,474.00 perbelanjaan pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM40,938.00.

- 1.7 Berikutan pendapatan yang menurun dan perbelanjaan meningkat, keuntungan Koperasi pada tahun 2021 telah menyusut daripada RM523,677.00 pada tahun 2020 kepada RM325,510.00 pada tahun 2021 akibat penutupan ekonomi dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2. MELANTIK Pengerusi Sementara Mesyuarat

Mesyuarat telah bersetuju untuk melantik Encik Ahmad Hashimi Bin Mohammad (No. Anggota 1372) sebagai Pengerusi Sementara dan Encik Muhammad Hafizul bin Ibrahim (No. Anggota 1729) sebagai Pencatat Minit Mesyuarat secara sebulat suara oleh para perwakilan. Encik Ahmad Hashimi Bin Mohammad (No. Anggota: 1372) mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan dan menyatakan kuasa dan keabsahan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-26 diadakan adalah tertakluk dan seperti berdasarkan Undang-undang Kecil Koperasi Perkara 34 (1) iaitu:

- 2.1 Jumlah kehadiran perwakilan seramai 38 orang yang membolehkan mesyuarat dapat dijalankan.
- 2.2 Mesyuarat dijalankan berdasarkan Peraturan Mesyuarat dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- 2.3 Para perwakilan diminta untuk mematuhi undang-undang dan tatacara semasa bermesyuarat.
- 2.4 Perwakilan juga diminta untuk memberi peluang kepada semua perwakilan yang hadir berhujah dan memberi pandangan.
- 2.5 Setiap perwakilan perlu menyatakan nama dan nombor anggota sebelum berhujah.

3. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-25 YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 JULAI 2021

Encik Mohd Azmy Bin Jakomar (No. Anggota 1494) selaku Setiausaha telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke-25 bertarikh 25 Jun 2022 dari muka surat 5 hingga muka surat 21 untuk diterima dan disahkan.

- 3.1 Puan Nor Azizah binti Mamud (No. Anggota 1379) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 25 diterima dan disahkan.
- 3.2 Encik Mohd Zulkefli bin Rusli (No. Anggota 1390) menyokong minit mesyuarat diterima dan disahkan.

4. MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI SESI TAHUN 2022-2023

Pengerusi mesyuarat memaklumkan terdapat tiga (3) kekosongan jawatan Ahli Lembaga Pengarah kerana penyandang sedia ada telah tamat tempoh. Hanya enam (6) pencalonan diterima bagi pemilihan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) bagi Sesi 2022-2023. Seramai 38 orang perwakilan telah mengundi.

4.1 Perwakilan telah mencadangkan 4 orang pegawai pengira undi iaitu:

Puan Sarida binti Hj. Saleh (No. Anggota 1279) mencadangkan Encik Mazua bin Mohd Mazlan (No. Anggota 1408), Tuan Syed Izman bin Syed Aziz Al-Khadri (No. Anggota 1000) mencadangkan Encik Mohd Zulkefli bin Rusli (No. Anggota 1390), Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad (No. Anggota 1372) mencadangkan Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayuddin (No. Anggota 1644) dan Encik Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) mencadangkan Puan Sa'adiyah binti Mohamed Rashid (No. Anggota 1902).

Semua cadangan disokong sebulat suara oleh perwakilan.

Bil	Nama	No. Anggota
1	Encik Mohd Mazua bin Mohd Mazlan	1408
2	Encik Mohd Zulkefli bin Rusli	1390
3	Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayuddin	1644
4	Puan Sa'adiyah binti Mohamed Rashid	1902

Calon Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2022/2023 adalah seperti berikut:

Bil	Nama	No. Anggota
1	Encik Mohd Azmy bin Jakomar	1494
2	Puan Nor Azizah binti Mamud	1379
3	Puan Nor Ashikin binti Saad	1478
4	Encik Mohd Firdaus bin Mazalan	1932
5	Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil	1969
6	Encik Muhammad Hafizul bin Ibrahim	1729

- **Calon yang telah mendapat undi tertinggi**

4.2 Puan Nor Azizah binti Mamud (No. Anggota 1379) telah menarik diri daripada menjadi anggota Lembaga Koperasi bagi sesi 2022/2023. Mesyuarat sebulat suara telah bersetuju dan melantik Encik Mohd Firdaus bin Mazalan (No. Anggota 1932) iaitu calon yang menerima undi tertinggi selepas Puan Nor Azizah binti Mamud.

Keputusan:

Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2022/2023 adalah seperti berikut:

Bil	Nama	No. Anggota
1	Encik Mohd Azmy bin Jakomar	1494
2	Puan Nor Ashikin binti Saad	1478
3	Encik Mohd Firdaus bin Mazalan	1932

5. MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARI ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TERMASUK Pengerusi UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 26.

- 5.1 Pengerusi membuka pencalonan daripada Perwakilan untuk memilih enam (6) orang Perwakilan untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan kali Ke 25.
- 5.2 Tuan Syed Izman bin Syed Aziz Al-Khadri (No. Anggota 1000) mencadangkan Encik Mohammad Ayob bin Othman (No. Anggota 1472). Cadangan disokong oleh Encik Norbi bin Ismail (No. Anggota 1009).
- 5.3 Puan Nor Azizah binti Mamud (No. Anggota 1379) mencadangkan Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil (No. Anggota 1969). Cadangan disokong oleh Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775).
- 5.4 Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775) mencadangkan Encik Mohd Khairizal bin Abd Ghani (No. Anggota 1685). Cadangan disokong oleh Encik Mohd Shahrul Affendy bin Saipullizan (No. Anggota 1626).
- 5.5 Encik Mohd Firdaus bin Mazalan (No. Anggota 1932) mencadangkan Encik Mohd Shahrul Affendy bin Saipullizan (No. Anggota 1626). Cadangan disokong oleh Puan Noor Hafiza binti Ibrahim (No. anggota 1645).
- 5.6 Encik Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) mencadangkan Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775). Cadangan disokong oleh Tuan Syed Izman bin Syed Aziz Al-Khadri (No. Anggota 1000).
- 5.7 Encik Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) mencadangkan Encik Muhammad Hafizul bin Ibrahim (No. Anggota 1729). Cadangan disokong oleh Encik Muhammad Halimi bin Mohd Halid (No. Anggota 2050).

Keputusan:

Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 26 adalah seperti berikut:

Bil	Nama	No. Anggota
1	Encik Mohammad Ayob bin Othman	1472
2	Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil	1969
3	Encik Mohd Khairizal bin Abd Ghani	1685
4	Encik Mohd Shahrul Affendy bin Saipullizan	1626
5	Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman	1775
6	Encik Muhammad Hafizul bin Ibrahim	1729

6. MENIMBANG DAN MENERIMA LAPORAN TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2021.

Encik Mohd Azmy Bin Jakomar (No. Anggota 1494) selaku Setiausaha Koperasi telah membentangkan Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021 dari muka surat 22 hingga muka surat 35 untuk dipertimbang dan diterima.

- 6.1 Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775) mencadangkan Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2021 diterima dan mohon dibahaskan serta disokong oleh Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil (No. Anggota 1969).
- 6.2 Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775) ingin mengetahui status 4 orang kakitangan Koperasi.
 - 6.2.1 Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad (No. Anggota 1372) selaku Pengerusi Koperasi menerangkan bahawa 4 orang kakitangan koperasi terkini adalah:
 - i. Puan Nadira binti Mohd Zameil – telah dilantik sebagai Pengurus.
 - ii. Cik Nur Aina Humaira binti Shahidan – Kerani akaun
 - iii. Cik Azfarinaz binti Amran – Kerani (berhenti) dan telah diganti oleh Encik Wan Ahmad Faiz bin Wan Md Din
 - iv. Encik Norhelmi bin Mohamad Jadi - Kerani

- 6.3 Encik Muhammad Hafizul bin Ibrahim (No. Anggota 1729) ingin mengetahui mengapa ruang Kos jualan dikosongkan di muka surat 33.

6.3.1 Encik Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494), Setiausaha Koperasi menjelaskan bahawa hasil jualan Perkhidmatan Pra Bayar, Pos dan Kurier serta Jualan Produk tidak membabitkan kos jualan.

7. PEMBENTANGAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Puan Nor Aziah Binti Mohamed Mahayudin (No. Anggota 1644) selaku wakil Juruaudit Dalaman telah membentangkan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2021 seperti di Lampiran 2.

8. MENERIMA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021 YANG TERAUDIT

Puan Sarida Binti Hj Saleh (No. Anggota 1279), Bendahari Koperasi membentangkan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 yang telah diaudit oleh Saifudin & Co seperti di Lampiran 4, muka surat 1-38.

- 8.1 Encik Mohd Shahrul Affendy bin Saipullizan (No. Anggota 1626) mencadangkan penyata kewangan berakhir pada 31 Disember 2021 yang teraudit diterima dan disokong oleh Encik Mohamad Azhar bin Md Zabidi (No. Anggota 1876).

- 8.2 Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin (No. Anggota 1644) ingin mengetahui mengapa belanja mesyuarat agung bagi tahun 2021 meningkat sekali ganda berbanding tahun 2020.

8.2.1 Puan Sarida binti Hj Saleh (No. Anggota 1279), bendahari menjelaskan bahawa pada tahun 2021 Koperasi melaksanakan mesyuarat secara *online*. Berbeza dengan mesyuarat yang dilaksanakan secara fizikal. Kehadiran anggota untuk mesyuarat *online* mencapai 100% pada tahun 2021 dan pada tahun 2020, usul berhubung penambahan elaun mesyuarat yang diadakan secara online telah diterima. Oleh itu, peningkatan belanja mesyuarat bagi tahun 2021 lebih tinggi daripada tahun-tahun sebelumnya.

- 8.3 Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin (No. Anggota 1644), Juruaudit Dalam mencadangkan kos belanja bagi tahun 2021 ini akan menjadi unjuran bagi tahun-tahun akan datang.

- 8.4 Puan Sarida binti Hj Saleh (No. Anggota 1279), Bendahari Koperasi memaklumkan bahawa berlaku penurunan pendapatan Koperasi bagi tahun 2021 kerana kesan daripada pandemic Covid-19.
- 8.5 Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775) ingin mengetahui status keuntungan kantin di Ibu Pejabat LPPKN seperti yang dimaksudkan di dalam penyata kewangan.
- 8.5.1 Encik Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menjelaskan bahawa kontrak kantin berakhir pada bulan Februari 2021. Oleh sebab itu, masih ada laporan berhubung kantin di Ibu Pejabat LPPKN.
- 8.6 Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775) ingin mengetahui berapa harga sewaan 3 unit Kondominium.
- 8.6.1 Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad (No. Anggota 1372) selaku Pengerusi Koperasi menjelaskan bahawa 2 unit telah disewakan dan 1 unit masih dalam proses pembinaan, seperti di dalam Laporan Biro-biro 2021, muka surat 34.
- 8.6.2 Encik Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) mengalu-alukan sekiranya anggota Koperasi mempunyai aset untuk disewakan, anggota boleh *joint venture* dengan Koperasi.
- 8.7 Encik Mohd Shahrul Affendy bin Saipullizan (No. Anggota 1626) ingin mengetahui sekiranya pihak koperasi ada perancangan untuk membeli hartanah pada masa akan datang.
- 8.7.1 Encik Ahmad Hashimi Bin Mohammad (No. Anggota 1372) selaku Pengerusi Koperasi memaklumkan bahawa Koperasi ada membuat perancangan untuk membeli tanah di sekitar Selangor. Koperasi juga bercadang untuk memiliki bangunan kedai dan lot rumah untuk tujuan pelaburan.
- 8.8 Puan Sa'adijah Mohamed Rashid (No. Anggota 1902) mencadangkan agar Koperasi bekerjasama dengan pengurusan LPPKN dalam pelaburan hartanah kerana LPPKN mempunyai banyak aset yang tidak diurus.
- 8.8.1 Encik Ahmad Hashimi Bin Mohammad (No. Anggota 1372) selaku Pengerusi Koperasi memaklumkan bahawa Koperasi telah berusaha untuk bekerjasama dengan pengurusan LPPKN, namun tidak berjaya. Koperasi sedaya upaya berusaha untuk meningkatkan pendapatan walaupun tidak bekerjasama dengan pihak Pengurusan LPPKN.
- 8.9 Tuan Syed Izman Bin Syed Aziz Al-Khadri (No. Anggota 1000) juga turut menambah cadangan agar pelaburan yang besar harus dilaksanakan selepas Pilihanraya Umum Ke 15, ianya dapat mengelakkan risiko yang tidak sepatutnya.

9. MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI

- 9.1 Membayar Dividen Caruman sebanyak 4.5% untuk tahun kewangan 2021.
- 9.2 Membayar dividen saham 10% kepada anggota-anggota untuk tahun kewangan 2021.
- 9.3 Membayar saguhati kehormat (Honorarium) kepada Anggota Lembaga Koperasi sebanyak RM12,000.00 bagi Tahun Kewangan 2021.
- 9.4 Encik Muhammad Hafizul Bin Ibrahim (No. Anggota 1729) telah mencadangkan agar ketiga-tiga perkara tersebut diterima dan disokong oleh Encik Mohd Fadil Kamarul Zaman (No. Anggota 1775).

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju Dividen Caruman sebanyak 4.5% serta Dividen Saham 10% kepada anggota-anggota dan Saguhati Kehormat (Honorarium) kepada ALK sebanyak RM12,000.00 bagi tahun Kewangan 2021.

10. MEMBENARKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MEMBUAT PELABURAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG KECIL

- 10.1 Perkara 34(1)(k) iaitu “menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi ini”. Anggaran jumlah maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).
- 10.2 Perkara 34(1)(i) iaitu “menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi” dengan jumlah anggaran maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).
- 10.3 Puan Sa'adiah Mohamed Rashid (No. Anggota 1902) mencadangkan agar membenarkan Anggota Lembaga Koperasi membuat pelaburan mengikut Undang-Undang Kecil dan disokong oleh Encik Mohd Khairizal Abd Ghani (No. Anggota 1685).

11.MEMBENTANG ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI SESI TAHUN 2022-2023

Puan Sarida Binti Hj Saleh (No. Anggota 1279) selaku Bendahari membentangkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi sesi Tahun 2022-2023.

12.MELULUSKAN PERLANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

12.1 Pengerusi memohon perwakilan agar memberikan kebenaran kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk melantik dan memilih firma audit yang bertaualiah (dengan harga tawaran yang berpatutan selain dari pengalaman yang cekap) bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi.

12.2 Puan Nor Azizah Mamud (No. Anggota 1379) mencadangkan pelantikan mana-mana firma audit yang difikirkan sesuai oleh pihak Koperasi diterima dan disokong oleh Encik Mohd Zulkefli Rusli (No. Anggota 1390).

13. MEMBENTANG USUL

Sebanyak 6 usul telah diterima untuk dibahasakan seperti berikut: -

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
1.	KEDAH, PERLIS & PULAU PINANG	Pencadang: Encik Mohamad Azhar Bin Md Zabidi (No. Anggota 1876) Penyokong: Encik Norbi Bin Ismail (No. Anggota 1009) 1.Encik Mohamad Azhar Bin Md Zabidi mengusulkan pemohon dan penjamin untuk meneliti permohonan untuk dihantar ke pihak Koperasi terutama tandatangan penjamin, Permohonan tersebut perlu diberi perhatian mengenai tandatangan penjamin samada sah atau palsu. Pencadang: Puan Fazilah Binti Muhammad Sukor (No. Anggota 1276) Penyokong: Tiada 2.Puan Fazilah BintiMuhammad Sukor mengusulkan supaya ahli Koperasi dibenarkan untuk mengeluarkan 50% daripada caruman semasa. Pencadang: Encik Noor Sazali Bin Mansor (No. Anggota 1926) Penyokong: Encik Azhar Bin Md Zabidi (No. Anggota 1876) 3.Encik Noor Sazali Bin Mansor mengusulkan supaya anggota lantikan baru LPPKN diwajibkan menjadi ahli bagi meningkatkan jumlah keahlian Koperasi.	√	√ √	Pengesahan kepada penjamin dengan membuat panggilan telefon dan surat pemberitahuan kepada penjamin. Anggota boleh membuat pembiayaan 80% daripada caruman tertakluk kepada terma dan syarat. Tiada arahan wajib daripada pihak SKM dan dasar/polisi LPPKN.

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
2.	AHLI LEMBAGA KOPERASI	1. Ahli Lembaga Koperasi mencadangkan pembiayaan khas RM10,000.00 tanpa penjamin. Tempoh maksimum 5 tahun dengan kadar 6% setahun. 2. Pembiayaan bencana sebanyak RM2,000.00 maksimum untuk tempoh 2 tahun tanpa faedah. 3. Pindaan kepada Undang-undang Kecil i. Perubahan kepada jumlah pembiayaan / jenis pembiayaan ii. Aturan	✓ ✓ ✓		

13.1 Puan Felomina Binti Hj Leonardo (No. Anggota 1746) menerima semua usul dan disokong oleh Puan Hanizon Binti Khairi (No. Anggota 1569).

14. MEMINDA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI (PINDAAN 2010) (JIKA ADA)

14.1 Encik Mohd Mazua Mohd Mazlan (No. Anggota 1408) memberi kebenaran untuk meminda Undang-undang Kecil Koperasi (Pindaan 2010) dan disokong oleh Encik Mohd Shafie Bin Saban (No. Anggota 1904).

15. HAL-HAL LAIN

15.1 Encik Mohd Fadil Kamarul Zaman (No. Anggota 1775) memohon penjelasan berhubung SPEKAR.

15.1.1 Encik Mohd Azmy Jakomar (No. Anggota 1494), Setiausaha memaklumkan bahawa SPeKAR akan dilaksanakan kepada anggota yang telah berhenti dan tidak membayar hutang. Senarai hitam hanya kepada peminjam sahaja. Penjamin tidak dikenakan tindakan.

15.2 Puan Fauziah Binti Ahmad@Kusin (No. Anggota 1265) memohon penjelasan tentang prosedur sekiranya anggota yang akan bersara, apa faedah serta memohon maklumat tambahan supaya semua anggota jelas.

15.2.1 Tuan Syed Izman Bin Syed Aziz Al-Khadri (No. Anggota 1000) menyatakan bahawa, sekiranya anggota akan bersara, anggota boleh mengambil simpanan yuran tetapi tidak perlu mengeluarkan saham bagi mengekalkan status sebagai anggota Koperasi. Anggota juga boleh mengikuti kursus-kursus melalui institut dan pelbagai faedah boleh didapati sekiranya kekal menjadi anggota Koperasi.

15.2.2 Encik Mohd Azmy Jakomar (No. Anggota 1494) juga memberi penjelasan bahawa sekiranya anggota telah bersara, Koperasi akan menambah 3% tambahan keuntungan daripada jumlah simpanan dan saham anggota.

15.3 Encik Mohd Firdaus Mazalan (No. Anggota 1932) menjelaskan berkaitan logo baru Koperasi untuk menambah baik imej Koperasi. Koperasi juga dalam usaha membangunkan satu laman web Koperasi untuk kemudahan anggota.

15.4 Encik Ahmad Hashimi Bin Mohammad (No. Anggota 1372) selaku Pengerusi Koperasi memaklumkan bahawa Koperasi Kakitangan LPPKN telah berada di tangga 251 daripada 14,400 koperasi di seluruh Malaysia.


16. ULASAN DARIPADA WAKIL SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

- 16.1 Puan Anis Syahira binti Azhar, wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengucapkan tahniah kepada semua ALK dan perwakilan yang hadir kerana telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Koperasi Kakitangan LPPKN kali ke-26.
- 16.2 Tahniah juga diucapkan kerana Koperasi Kakitangan LPPKN telah berjaya berada di kedudukan ke 251 daripada 350 Koperasi terbaik di Malaysia. Daripada keseluruhan 14,400 Koperasi yang terdapat di seluruh Malaysia. Beliau menjelaskan bahawa untuk berada di dalam top 350 bukan satu perkara yang mudah.
- 16.3 Tambah beliau, Koperasi Kakitangan LPPKN merupakan Koperasi yang berada di tangga ke 65 daripada 104 koperasi yang berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Koperasi LPPKN perlu bekerja lebih kuat untuk mendapatkan tempat 50 koperasi terbaik peringkat Kuala Lumpur pada tahun hadapan.

17. PENANGGUHAN MESYUARAT

Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada jam 12.45 tengah hari dengan ucapan terima kasih kepada perwakilan yang hadir serta memberikan kerjasama dalam melancarkan proses mesyuarat. Pengerusi juga turut merakamkan ribuan terima kasih atas kehadiran wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Puan Anis Syahira binti Azhar.

Disediakan oleh:



(MOHD AZMY BIN JAKOMAR)

Setiausaha Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

LAMPIRAN A

**SENARAI NAMA PERWAKILAN KE MESYUARAT AGUNG KALI KE 26 BERTEMPAT DI
AUDITORIUM LPPKN TINGKAT 13, BANGUNAN LPPKN JALAN RAJA LAUT KUALA LUMPUR
PADA 25 JUN 2022 (SABTU)**

BIL	NAMA PERWAKILAN	NO AHLI	NEGERI
1	Pn Anizzaliza Binti Adam	1867	Negeri Sembilan
2	En Hamidi Bin Shamsudin	1434	
3	En Muhammad Halimi Bin Mohd Halid	2050	Melaka
4	Pn Fauziah Binti Ahmad@Kusin	1265	Johor
5	Pn Hanizon Binti Khairi	1569	
6	En Mohd Hakimi Bin Hasrine	1641	Kelantan
7	En Mohd Zulkefli Bin Rusli	1963	Terengganu
8	Cik Naemah Binti Ibrahim (tidak hadir)	1869	Perlis
	Pn Ade Yusnetta Othman (Ganti)	1308	
9	En Mohamad Azhar Bin Md Zabidi	1876	Kedah
10	En Norbi Bin Ismail	1009	
11	En Abdul Rahman Rais Bin Abdullah (tidak hadir)	1488	Pulau Pinang
	Pn Rosnani binti Desa (Ganti)	1615	
12	En Wan Azmin Bin Wan Mansor	1548	Pahang
13	Pn Khuzaimah Binti Mohd Tahir	1636	Perak
14	En Mohamad Arslan Bin Hamid	1531	
15	En Khayrul Nizam Bin Kamarol Zaman (tidak hadir)	2024	Wilayah Persekutuan
16	En Helman Bin Penie (tidak hadir)	1957	
17	En Fairul Bin Desa (tidak hadir)	2041	Selangor
	Cik Junaida Mustafa (Ganti)	2012	
18	Pn Sa'adiyah Binti Mohamed Rashid	1902	
19	Pn Felomina Binti Hj Leonardo	1746	Sarawak / Sabah
20	Pn Nor Azi ah Binti Mamud	1379	Ibu Pejabat
21	En Mohd Fadil Bin Kamarul Zaman	1775	
22	En Abdul Qayyum Bin Abdul Jalil	1969	
23	En Mohd Shafie Bin Saban	1904	
24	En Mohammad Ayob Bin Othman	1472	
25	En Mohd Khairizal Bin Abdul Ghani	1685	
26	En Mohd Shahrul Affendy Saipullizan	1626	
27	En Mohd Mazua Bin Mohammad Mazlan	1408	
28	En Muhammad Hafizul Bin Ibrahim	1729	
29	Pn Nor Aziah Binti Mohammad Mahayuddin	1644	Juru Audit Dalam
30	Pn Noor Hafiza Binti Ibrahim	1645	
31	Pn Nurhaziyah Binti Hj Mohammad Radzuan	1893	

BIL	NAMA PERWAKILAN	NO AHLI	NEGERI
32	En Ahmad Hashimi Bin Mohammad	1372	Ahli Lembaga Koperasi
33	En Mohd Azmy Bin Jakomar	1494	
34	Pn Sarida Binti Hj Saleh	1279	
35	Pn Rinawati Binti Mohamed Nawawi	1232	
36	En Syed Izman Bin Syed Aziz Al-Khadri	1000	
37	En Norhamizan Bin Hashim	1678	
38	Pn Nor Ashikin Binti Saad	1478	
39	En Mohd Firdaus Bin Mazalan	1932	
40	En Salehuddin Bin Ismail	1686	

Menentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 26, yang telah diadakan pada 25 Jun 22 (Sabtu) jam 10.00 pagi bertempat di Auditorium Tingkat 13 Bangunan LPPKN telah disemak dan ditentukan oleh Jawatankuasa Menentusah Minit pada 29 September 2022 (Khamis) 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi Tingkat 9.

BIL	NAMA	NO AHLI
1	Ahmad Hashimi Bin Mohammad	1372
2	Mohd Azmy Bin Jakomar	1494
3	Sarida Hj Saleh	1279
4	Mohd Firdaus Mazalan	1932
5	Mohammad Ayob Othman	1472
6	Abd Qayyum Abd Jalil	1969
7	Mohd Khairizal Abd Ghani	1685
8	Mohd Shahrul Affendy Saipullizan	1626
9	Mohd Fadil Kamarul Zaman	1775
10	Muhammad Hafizul Ibrahim	1729

**Laporan
Tahunan Koperasi
Kakitangan
LPPKN (M) Berhad
Bagi Tempoh
1 Januari 2022
Hingga
31 Disember 2022**

LAPORAN TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD **BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2022**

1. MUKADIMAH

1.1 Terlebih dahulu Anggota Lembaga Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota koperasi dan juga pengurusan koperasi yang telah memberi kerjasama, sokongan dan cadangan yang membina ke arah kemajuan koperasi.

1.2 Dengan kerjasama dan sokongan tersebut kami Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacita membentangkan prestasi pencapaian koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022 yang telah diaudit.

1.3 Koperasi telah beroperasi sebagai sebuah koperasi kredit dan serbaguna dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti mengikut Pematuhan Syariah. Aktiviti Koperasi pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

- (a) Memberi pembiayaan Tawaruq kepada anggota koperasi
- (b) Memberi pembiayaan pengguna Murabahah
- (c) Memberi pembiayaan pendidikan/bantuan awal persekolahan dan perayaan
- (d) Memberi pembiayaan umrah/pelancongan
- (e) Perniagaan alat telekomunikasi, perabot dan peralatan elektrik
- (f) Perkhidmatan membayar bil telekom, air, astro, prabayar dan lain-lain
- (g) Menjadi agen insuran untuk memberi kemudahan perlindungan secara kelompok kepada anggota koperasi .
- (h) Menjual tshirt, minyak urut dan tuala mamacare
- (i) Menjadi pembekal bekalan dan kontraktor berdaftar dengan Kementerian Kewangan (e-Perolehan) mengandungi 15 pecahan kod bidang iaitu:-

BIL	KOD	KETERANGAN
1	010102	Bahan Bacaan
2	010201	Kertas
3	010501	Kamera dan Aksesori
4	020403	Bahan Pencuci dan Pembersihan
5	020601	Alatulis (Tidak Termasuk Borang dan Semua Jenis Kertas)
6	020801	Pakaian
7	020802	Kelengkapan Pakaian
8	030101	Pakaian Sukan dan Aksesori
9	030201	Cenderamata dan Hadiah
10	030501	Peralatan Sukan
11	040103	Makanan Bermasak Islam
12	080101	Kelengkapan/Kemudahan Awam
13	210201	Alat Perhubungan
14	221510	Tempat Letak Kereta
15	221110	Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar dan Moderator/Negotiator

2. PENGURUSAN KOPERASI:

Koperasi mempunyai 3 orang kakitangan terdiri daripada :-

- | | | |
|-----|--------------------------------------|-------------------|
| i. | Pn. Nadira binti Mohd Zameil | - Pengurus |
| ii. | Cik. Nur Aina Humaira Binti Shahidan | - Personnel Akaun |
| ii. | En. Wan Ahmad Faiz bin Wan Md Din | - Personnel Admin |

3. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2022

- 3.1 Koperasi telah memperolehi pendapatan sebanyak RM716,438.00 sepanjang 2022 manakala perbelanjaan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM468,500.00. Keuntungan bersih yang telah diperolehi oleh Koperasi bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM217,945.00
- 3.2 Pembelian Saham di Bursa Saham Malaysia / Unit Amanah Dan Taksiar Harga
- 3.2.1 Kesemua saham milik Koperasi telah dijual dan masih terdapat baki bernilai RM4,433.00 yang tidak dapat dijual kerana bernilai rendah dan telah terkeluar daripada Bursa Saham Malaysia.
- 3.2.2 Koperasi telah membeli saham (Islamic Redeemable Preference Shares (i-RPS) sebanyak RM500,000.00 dibawah ACE Holding Berhad pada Mei 2018 .Pelaburan ini tidak akan diteruskan.
- 3.2.3 Pembelian 2 unit kondominium (Seri Tijanni) telah dibeli pada November 2018. Pembelian berjumlah RM1,120,000.00. Satu unit telah di beli secara tunai sebanyak RM 560,000.00 dan satu unit lagi melalui pembiayaan dari Bank Kerjasama Rakyat berjumlah RM 500,000.00 dan telah disewakan secara kontrak selama 2 tahun (RM 3,200.00/bulan) bermula November 2022 dan Mac 2024. Kontrak akan diteruskan untuk 2 tahun berikutnya .
- 3.3 Perniagaan Pembiayaan Pengguna
- Koperasi telah menyediakan Pembiayaan Pengguna kepada Anggota dengan melantik beberapa syarikat seperti kedai telefon bimbit dan pelbagai barangan pengguna yang lain.

4. PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

4.1 Selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil, tiga (3) orang Anggota Lembaga Koperasi yang dipilih ialah seperti berikut:

- i. En. Mohd Azmy Bin Jakomar
- ii. En. Mohd Firdaus Bin Mazalan
- iii. Pn. Nor Ashikin Binti Saad

5. MODAL YURAN ANGGOTA

- 5.1 Modal yuran bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM6,598.085.00 manakala Modal Syer Anggota pada tahun 2022 adalah sebanyak RM113,662.
- 5.2 Bilangan anggota pada 31 Disember 2022 ialah 655 orang. Tambahan Anggota baru ialah 16 orang manakala Anggota berhenti dan bersara ialah sebanyak 20 orang.

6. MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

6.1 Dalam tahun 2022 Anggota Lembaga Koperasi telah mengadakan mesyuarat biasa sebanyak 12 kali adalah seperti berikut :

a) Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga Koperasi

BIL	TARIKH
1.	28 Januari 2022
2.	25 Februari 2022
3.	25 Mac 2022
4.	21 April 2022
5.	27 Mei 2022
6.	17 Jun 2022
7.	28 Julai 2022
8.	30 Ogos 2022
9.	29 September 2022
10.	28 Oktober 2022
11.	25 November 2022
12.	30 Disember 2022

6.2 CARTA KEHADIRAN MESYUARAT BULANAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN 2020.

Bil	Nama	Bulan											
		J	F	M	A	M	J	J	A	S	O	N	D
1.	En. Ahmad Hashimi Mohammad	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Pn. Sarida binti Hj Saleh	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3.	En. Mohd Azmy bin Jakomar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Pn. Rinawati Mohamed Nawawi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Pn. Nor Ashikin binti Saad	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6.	En. Mohd Firdaus bin Mazalan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7.	En. Norhamizan bin Hashim	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
8.	En. Syed Izman Syed Aziz Al Khadri	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
9.	En. Salehuddin Bin Ismail	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

* Nota: ✓ Hadir
× Tak Hadir

7. KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA

- 7.1 Pada tahun 2022 Anggota Lembaga Koperasi telah meluluskan pembiayaan tunai sebanyak RM2,281,393 kepada anggota koperasi manakala pembiayaan pengguna yang diluluskan ialah RM33,019. Koperasi juga telah meluluskan pembiayaan perayaan/pendidikan sebanyak RM351,109 dan juga koperasi telah mengeluarkan suatu pembiayaan khas tanpa penjamin maksima pembiayaan adalah RM10,000.00 pada Mesyuarat Agung Kali Ke-26 pembiayaan ini telah diluluskan sebanyak RM587,787. Had pembiayaan bagi pinjaman tunai ialah sebanyak RM60,000.00. Pembiayaan yang diluluskan bagi tahun 2022 berbandingan 2021 ialah seperti berikut.

<u>Jenis Pembiayaan</u>	<u>2022</u>	<u>2021</u>
Pembiayaan Tunai	RM2,281,393	RM2,022,395
Pembiayaan Pengguna	RM33,019	RM76,041
Pembiayaan Perayaan/Pendidikan	RM351,109	RM250,265
Pembiayaan Tanpa Penjamin	RM587,787	-
	-----	-----
	RM3,253,308	RM2,348,701
	-----	-----

8. AKTIVITI BIRO – BIRO

8.1. Biro Pelaburan

- Membeli, menjual memindah hak milik, menyewa, mencagar, memajak, mengadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
- Melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut Seksyen 54 Akta;
- Menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada Koperasi lain;
- Lain-lain pelaburan yang bersesuaian.

8.10 Biro Pembangunan Perniagaan

- a) Menjalankan aktiviti peruncitan, pemborongan dan lain-lain aktiviti pengguna koperasi kakitangan LPPKN Malaysia Berhad;
- b) Menjalankan aktiviti pelancongan;
- c) Pembayaran bil-bil dan jualan top-up,
- d) Perlindungan Insuran Am dan Takaful Kenderaan
- e) Menyediakan servis penghantaran dan penerimaan Kurier
- f) Perolehan perkhidmatan dan bekalan untuk LPPKN

8.11 Biro Promosi Dan Kebajikan

- a) Memastikan semua Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan Juru Audit Dalam (JAD) Koperasi menghadiri Kursus Wajib yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- b) Memberi informasi berkaitan kursus-kursus yang ditawarkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang relevan dengan aktiviti Koperasi kepada ahli Koperasi.
- c) Menyelaraskan dan memantau media sosial Koperasi.
- d) Mempromosi produk pembiayaan kepada anggota Koperasi.
- e) Mengadakan bengkel untuk kakitangan dan Ahli Lembaga Koperasi
- f) Menghantar kakitangan mengikuti kursus di Institut Koperasi Malaysia
- g) Kematian anggota/kakitangan dan keluarga anggota/kakitangan
- h) Masuk wad hospital (anggota/kakitangan);
- i) Perkahwinan anggota/kakitangan (tuntutan kali pertama);
- j) Anggota/kakitangan yang berada di dalam keadaan kesusahan akibat dari bencana alam yang menyebabkan kerosakan harta benda;
- k) Anggota/kakitangan yang berada dalam kesusahan mengikut budi bicara Lembaga.
- l) Manfaat persaraan bagi anggota yang bersara wajib.

** Laporan Biro-Biro adalah seperti dilampiran 1*

9. SKIM INSURAN BERKELOMPOK

Koperasi telah menjadi agen untuk beberapa Skim Insuran Am dan Kenderaan seperti berikut :-

- Great Eastern Life Assurance (M) Berhad (Skim Berkelompok)
- Ace Jerneh Insurance Berhad/CHUBB (Skim Berkelompok)
- Takaful Ikhlas

Sehingga kini anggota yang masih mencarum untuk kedua-dua insuran ini seramai 6 orang dengan jumlah potongan RM 185.64 sebulan.

10. PENGHARGAAN

Kejayaan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad adalah daripada hasil usaha dan kerjasama pelbagai pihak. Anggota Lembaga Koperasi merakamkan setinggi penghargaan kepada:

- * Ketua Pengarah Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia.
- * Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- * Anggota Koperasi.
- * Pengurusan Koperasi.
- * Juruaudit Dalam

LAPORAN BIRO - BIRO 2022

KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD**❖ Biro Pembangunan Pendidikan Dan Kebajikan**

- Memastikan semua Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan Juru Audit Dalam (JAD) Koperasi menghadiri Kursus Wajib yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- Memberi informasi berkaitan kursus-kursus yang ditawarkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang relevan dengan aktiviti Koperasi kepada ahli Koperasi.
- Menyelaras dan memantau media sosial Koperasi.
- Mempromosi produk pembiayaan kepada anggota Koperasi.
- Mengadakan bengkel untuk kakitangan dan Ahli Lembaga Koperasi
- Menghantar kakitangan mengikuti kursus di Institut Koperasi Malaysia (IKMa);
- Manfaat persaraan bagi anggota yang bersara wajib.
- Menyelaras permohonan ahli bagi bantuan tabung kebajikan Koperasi seperti berikut:

BIL	JENIS TABUNG	KELAYAKKAN	JUMLAH (RM)
1	Kematian	a. Anggota/Kakitangan b. Pasangan yang sah c. Anak sendiri, anak tiri atau anak angkat anggota/kakitangan yang sah d. Ibubapa anggota/kakitangan sendiri	1,000.00 400.00 400.00 400.00
2	Dimasukkan ke hospital kecuali bersalin (hanya untuk anggota/kakitangan sahaja)	a. Tinggal di wad hospital 3 hari b. Tinggal di wad hospital 4-7 hari c. Tinggal di wad hospital melebihi 8 hari (Terhad kepada maksimum 2 (dua) kali dalam setahun)	50.00 100.00 150.00
3	Perkahwinan	Untuk perkahwinan pertama sahaja dan telah menjadi anggota/kakitangan lebih dari satu tahun	200.00
4	Bencana alam	a. Kebakaran rumah; b. Banjir; c. Tanah runtuh; d. Lain-lain musibah mengikut budi bicara ALK	200.00

LAMPIRAN :**1. MASUK HOSPITAL (WAD)**

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1	Nur Zuhaili binti Mat Razali	Hospital	Unit Pembangunan Perniagaan Dan Pelaburan
2	Nor'ashikin binti Abdullah	Hospital	Unit Kewangan
3	Lim Lee Peng	Hospital	Unit Penerangan Dan Pendidikan
4	Nur Atiqah Brandi @ Evelyne An	Hospital	Unit Subfertility
5	Haslinda binti Hassan	Hospital	Unit Kaunseling Keluarga Dan Intervensi
6	Loo Saw Moay	Hospital	Bahagian Kesejahteraan Keluarga
7	Norbany Syah bin Mohamad Nordin	Hospital	Unit Pentadbiran Dan Inovasi
8	Haryati binti Misba	Hospital	LPPKN Johor
9	Farahiyah binti Mohd Hudzri	Hospital	LPPKN Kedah
10	Muhammad Hafizul bin Ibrahim	Hospital	Unit Pengurusan Program Dan Keluarga
11	Siti Anissah binti Abu Hassan	Hospital	Unit Kesihatan Reproktif
12	Zulhilmi bin Mat Zin	Hospital	LPPKN Wilayah
13	Nor Hidayah binti Ishak	Hospital	Klinik Nur Sejahtera Alor Setar
14	Nurul Amiza binti Ahmad	Hospital	Unit Pengurusan Prestasi & Tatatertib
15	Ruwaidah binti Mohd. Salleh	Hospital	Unit Pengurusan Strategik ICT
16	Ruslaini binti Ahmad	Hospital	Unit Subfertility
17	Mohd Fardhly bin Abdul Latif	Hospital	Unit Keurusetiaan
18	Haslina binti Kanta	Hospital	Klinik Nur Sejahtera Ampang
19	Siti Norhayati binti Ghazali	Hospital	Klinik Nur Sejahtera Sungai Petani

2. KEMATIAN

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1	Wan Sjaiful Azam bin Abdullah	Anggota Meninggal	LPPKN HQ
2	Haslinda binti Hassan	Kematian Bapa	Unit Kaunseling Keluarga Dan Intervensi
3	Muhammad Yazid bin Mansor	Kematian Bapa	Unit Pentadbiran Dan Inovasi
4	Rafidah binti Rahmat	Kematian Bapa	LPPKN Wilayah
5	Haslinda binti Hassan	Kematian Ibu	Unit Kaunseling Keluarga Dan Intervensi
6	Mohamad Rizal bin Rosli	Kematian Ibu	Unit Pentadbiran Dan Inovasi
7	Haryati binti Misba	Kematian Suami	LPPKN Johor
8	Ruslaini binti Ahmad	Kematian Anak	Unit Subfertility
9	Fateen Fara Aziela binti Mohamad Zakli	Kematian Bapa	Unit Perkhidmatan

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
10	Mohd Rozi bin Omar @ Wahab	Kematian Bapa	Unit Kaunseling Keluarga Dan Intervensi
11	Nadira binti Mohd Zameil	Kematian Bapa	Koperasi Kakitangan LPPKN
12	Khairul Annuar bin Hassan	Kematian Bapa	Unit Pentadbiran Dan Inovasi
13	Nurol Aida binti Muhammad Isa	Kematian Ibu	Unit Perkhidmatan
14	Kamariah binti Said	Kematian Ibu	Unit Pentadbiran Dan Perhubungan Awam
15	Mohamad Arslan bin Hamid	Kematian Ibu	Unit Penerangan Dan Pendidikan
16	Mohd Faisal bin Helden	Kematian Ibu	Klinik Nur Sejahtera Kota Kinabalu
17	Faridah Zarina binti Mahmud	Kematian Ibu	Unit Pentadbiran Dan Perhubungan Awam
18	Nur Shaidah binti Syaripuddin	Kematian Ibu	Unit Penyelidikan Penilaian
19	Kamsiah binti Kasti	Kematian Ibu	Pejabat LPPKN Melaka
20	Norbi bin Ismail	Kematian Isteri	LPPKN Kedah
21	Nor Azizan binti Abdul Rahman	Kematian Suami	Unit Perolehan
22	Nor Aida binti Isa	Kematian Suami	Klinik Nur Sejahtera Raub
23	Rohayati binti Tukiban	Kematian Ibu	Klinik Nur Sejahtera Klang
24	Rosmainie binti Faizi	Kematian Ibu	Klinik Nur Sejahtera OUG

3. BENCANA ALAM

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1.	Muhammad Shamsul Azrin bin Shamssuddin	Bencana Alam	Bahagian Kesejahteraan Keluarga
2.	Zulkafli bin Baharuddin	Bencana Alam	Bahagian Kesejahteraan Keluarga
3.	Mohd Nasir bin Zainal Abidin	Bencana Alam	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
4.	Siti Rokiah binti Kadir	Bencana Alam	KNS LPPKN Bentong
5.	Nurhidayah binti Ibrahim	Bencana Alam	KNS LPPKN Mentakab
6.	Rinawati binti Mohamed Nawawi	Bencana Alam	LPPKN Wilayah
7.	Mohd Shahlizan bin Md. Sah	Bencana Alam	LPPKN Johor
8.	Juraida binti Muhamad Daud	Bencana Alam	LPPKN Pahang
9.	Norshuhada binti Abu Bakar	Bencana Alam	LPPKN Pahang
10.	Siti Asmad binti Zakarni	Bencana Alam	LPPKN Pahang
11.	Siti Asmah binti Ahmad	Bencana Alam	LPPKN Pahang
12.	Suraya binti Ghazali	Bencana Alam	LPPKN Sabah
13.	Mohd Zulkefli bin Rusli	Bencana Alam	LPPKN Terengganu
14.	Mursyalim bin Zamril	Bencana Alam	Pejabat TKPP
15.	Rossyafinar binti Abd Rahim	Bencana Alam	Unit Kewangan
16.	Izani binti Abd Karim	Bencana Alam	LPPKN HQ
17.	Nur Syafiqah binti Roslan	Bencana Alam	LPPKN HQ
18.	Hafizan bin Mohamad Ishak	Bencana Alam	LPPKN HQ

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
19.	Muhammad Hafizul bin Ibrahim	Bencana Alam	LPPKN HQ
20.	Muhammad Azahari bin Harun	Bencana Alam	LPPKN HQ
21.	Ratna Safura binti Kamal Shari	Bencana Alam	LPPKN Selangor
22.	Harlinie binti Abd Razak	Bencana Alam	LPPKN Selangor
23.	Siti Maslinda binti Alias	Bencana Alam	LPPKN Selangor
24.	Norazian binti Mat Razali	Bencana Alam	LPPKN Selangor
25.	Azran bin Mat Husin	Bencana Alam	LPPKN Selangor
26.	Nurul Nabilla binti Mohamed	Bencana Alam	LPPKN Selangor
27.	Nur Khalilah binti Azmi	Bencana Alam	LPPKN Selangor
28.	Nor Azlin bin Ishak	Bencana Alam	LPPKN Selangor
29.	Ruhanah binti Mohd Zilin	Bencana Alam	LPPKN Selangor
30.	Muhammad Suffian bin Mohd Ariffin	Bencana Alam	LPPKN Selangor

4. PERKAHWINAN

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1	Umi Kalsum binti Marjono	Perkahwinan	LPPKN Selangor
2	Nur Atiqah binti Sulaiman	Perkahwinan	Sub Unit Operasi, Akaun Dan Bayaran
3	Nor Azura binti Abu Hassan	Perkahwinan	LPPKN Kedah
4	Izatul Azirah binti Ismail	Perkahwinan	LPPKN Negeri Sembilan
5	Muhammad Nashriq bin Mansor	Perkahwinan	LPPKN Wilayah
6	Leong Yichean	Perkahwinan	Unit Pentadbiran Dan Perhubungan Awam
7	Umie Nabihah binti Mustafar	Perkahwinan	Unit Penyelidikan Dan Pembangunan
8	Wan Muhammad Yusran bin Wan Samsudin	Perkahwinan	Unit Penyelidikan Penilaian

5. SAGUHATI BAGI ANGGOTA BERSARA

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1	Loo Saw Moay	Ahli Bersara	Bahagian Kesejahteraan Keluarga
2	Mohd Farid Bin Hj. Mahfudz	Ahli Bersara	Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga

Laporan Keahlian Koperasi Kakitangan LPPKN adalah seperti berikut:

6. KEAHLIAN

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Ahli Baru	16
2	Ahli Berhenti - Bersara	2
3	Ahli Berhenti - Lain-Lain Sebab	11
4	Ahli Meninggal	1

* Jumlah Bilangan Keahlian Sehingga 31 Disember 2022 Adalah Seramai **655 Orang**

**LAPORAN BIRO PENGGUNA DAN PERNIAGAAN
KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD BAGI TAHUN 2022**

BIL	PERKARA	KOS JUALAN (RM)
JUALAN PRODUK / PERKHIDMATAN		
1	PULANGAN JUALAN	62,567.00
2	JUALAN BERSIH	(58,353.00)
	JUMLAH	4,214.00
TOLAK : KOS JUALAN		
	STOK AWAL	2,390.00
	INVENTORI AKHIR TAHUN	(1,839.00)
		551.00
	UNTUNG KASAR	3,663.00




LAPORAN BIRO PELABURAN

SENARAI PELABURAN MELALUI HARTANAH KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD
SEHINGGA DISEMBER 2020

BIL	JENIS ASET	TAHUN BELIAN	KOS BELIAN (RM)	SEWAAN SECARA KONTRAK MELALUI AGEN SECARA 2+2+1 TAHUN SEHINGGA 10 TAHUN MAKSIMUM	HARGA UNIT SEMASA	CATATAN
1	Kondominium Unit 15-2, Sri Tijanni, Sg. Buloh.	2018-2019	RM 560K	RM3200/ BULAN	-	Sewaan telah bermula pada November 2018
2	Kondominium Unit 13-A9, Sri Tijanni, Sg. Buloh.	2019-2020	RM 560K	RM3200/ BULAN	-	Sewaan telah bermula pada Mac 2020
3	Kondominium Unit 13-02, Armani SOHO, Damansara, Selangor	2020	RM 420K	MASIH DALAM PROSES PEMBINAAN, DIJANGKA SIAP 2022	-	-



KONDOMINIUM SERI TIJANI



Laporan Jawatankuasa Audit Dalam

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KEPADA
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

Rujukan Kami : KOOP/LPPKN/S/7()

Tarikh : Mei 2022

Tuan/Puan,

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAM (JAD) BAGI
TEMPOH JANUARI HINGGA JUN 2022**

Bahawa kami anggota Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi, Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd., mengikut Undang-undang Kecil 55(1)(2), mengemukakan laporan kepada pihak tuan daripada pengauditan dalaman yang telah dilaksanakan pada 18 Mei 2022.

2. Keanggotaan JAD

Dimaklumkan bahawa, keanggotaan JAD Koperasi Kakitangan LPPKN Sesi 2021/2022 terdiri daripada:

- (i) Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin - JAD 1
- (ii) Puan Noor Hafiza binti Ibrahim - JAD 2
- (iii) Puan Nurhaziyah binti Muhammad Radzuan - JAD 3

3. Skop Audit : Pengurusan Pinjaman Anggota

3.1 Objektif Audit :

- (i) Memastikan semua permohonan pinjaman untuk anggota dan kelulusan pinjaman dibuat mengikut prosedur.
- (ii) Memastikan semua pinjaman di dokumen dan direkodkan dalam akaun dengan betul dan kemas kini.
- (iii) Memastikan semua kawalan dan tindakan mengutip pinjaman dipatuhi.

4. Laporan Hasil Penemuan Audit :

Laporan dibuat adalah berasaskan kepada hasil pengauditan terhadap pengurusan pinjaman anggota, pentadbiran dan aktiviti-aktiviti koperasi bagi tempoh Januari hingga Jun 2022, seperti berikut:

4.1 Pengurusan Pinjaman Anggota – Hutang Tak Berbayar

Penemuan:

Berdasarkan rekod terdapat 17 peminjam yang dikategorikan sebagai hutang tak berbayar disebabkan peminjam gagal dihubungi (tiada maklumat terkini kerana telah berhenti menjadi anggota koperasi/ tidak berkhidmat dengan LPPKN). (Rujukan: penyata akaun anggota)

Cadangan dan syor:

Koperasi hendaklah menyimpan aturan berkaitan aktiviti pinjaman anggota yang sentiasa dikemas kini.

4.2 Catatan keputusan Mesyuarat ALK/Jawatankuasa Pinjaman melulus atau menolak pinjaman

Penemuan:

Terdapat surat yang dikeluarkan kepada anggota memaklumkan mengenai keputusan mesyuarat (membatalkan akaun sebagai saksi), namun catatan dalam minit mesyuarat tidak menyatakan perkara sedemikian.

Cadangan dan syor:

Pastikan keputusan mesyuarat (minit mesyuarat) hendaklah dicatat sepertimana keputusan mesyuarat yang sewajarnya.

5. Kesimpulan dan pandangan


Merujuk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa pengurusan dan hal ehwal koperasi telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan Undang-undang Kecil Koperasi.

Terdapat banyak penambahbaikan yang telah dilakukan bagi memastikan pengoperasian koperasi berjalan dengan lancar dan lebih sistematik.

6. **Penghargaan dan terima kasih**

Kami merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih



(NOR AZIAH BINTI MOHAMED MAHAYUDIN)

Pengerusi

Jawatankuasa Audit Dalaman

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KEPADA
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

Rujukan Kami : KOOP/LPPKN/S/7()

Tarikh : 15 November 2022

Tuan/Puan,

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) BAGI
TEMPOH JULAI HINGGA NOVEMBER 2022**

Bahawa kami anggota Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi, Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd., mengikut Undang-undang Kecil 55(1)(2), mengemukakan laporan kepada pihak tuan daripada pengauditan dalaman yang telah dilaksanakan pada 14 November 2022.

2. Keanggotaan JAD

Dimaklumkan bahawa, keanggotaan JAD Koperasi Kakitangan LPPKN Sesi 2021/2022 terdiri daripada:

- (i) Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin - JAD 1
- (ii) Puan Noor Hafiza binti Ibrahim - JAD 2
- (iii) Puan Nurhaziyah binti Muhammad Radzuan - JAD 3

3. Skop Audit : Pengurusan Pembayaran Tunai dan Buku Tunai

3.1 Objektif Audit :

- (i) Memastikan semua pembayaran dapat disahkan, dibuat dengan terkawal dan mengikut prosedur;
- (ii) Memastikan semua pembayaran telah direkodkan dalam buku tunai dengan betul; dan
- (iii) Memastikan wang tunai tidak disalahgunakan.

4. Laporan Hasil Penemuan Audit :

Laporan dibuat adalah berasaskan kepada hasil pengauditan terhadap pengurusan pembayaran tunai dan buku tunai, pentadbiran dan aktiviti-aktiviti koperasi bagi tempoh Julai hingga November 2022, seperti berikut:

4.1 Pengurusan Bayaran/ Urus Niaga Pembayaran

Penemuan:

Urusan bayaran telah dilaksanakan dengan baik dan teratur berdasarkan rekod bayaran dan penyata akaun. Dicapat dengan betul dan terperinci dalam sistem/Buku Tunai.

Cadangan dan syor :

Pengurus dan staf Koperasi telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik. Sistem yang digunakan oleh pengurusan Koperasi secara langsung telah menjadikan operasi Koperasi semakin efisien.

4.2 Pengurusan Penerimaan Tunai dan Buku Tunai

Penemuan:

Kesilapan catatan elaun tanggung kerja kepada **tangguh kerja**. (Rujukan: Fail Bank Statement)

Cadangan dan syor:

Pihak koperasi perlu teliti dan berhati-hati dalam penulisan laporan agar tidak berlaku kesilapan supaya tidak disalah tafsir bagi pihak tertentu.

Penemuan:

Fail resit direkod mengikut jenis bayaran iaitu pinjaman dan bekalan dan mengikut bank iaitu Maybank dan Bank Kerjasama Rakyat bagi tahun berakhir 31/10/2022. (Rujukan: fail Bank Statement)

Cadangan dan syor:

Kaedah penyimpanan dan rekod fail perlu sistematik dan bergantung kepada pihak Koperasi Kakitangan LPPKN bagi memudahkan pencarian dan rujukan maklumat berkaitan jika diperlukan.


5. Kesimpulan dan pandangan

Merujuk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa pengurusan dan hal ehwal koperasi telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan Undang-undang Kecil Koperasi. Terdapat banyak penambahbaikan yang telah dilakukan bagi memastikan pengoperasian koperasi berjalan dengan lancar dan lebih sistematik.

6. Penghargaan dan terima kasih

Kami merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih



(NOR AZIAH BINTI MOHAMED MAHAYUDIN)

Pengerusi

Jawatankuasa Audit Dalaman

Usul-usul Untuk Dibahas

MEMBENTANG USUL (JIKA ADA)

Sebanyak 14 usul telah diterima untuk dibahaskan seperti berikut: -

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
1	JOHOR	Pencadang: Puan Hanisah binti Alias Penyokong: Puan Faridah binti Bakar 1. Menaikkan kadar elaun mesyuarat dari RM80 kepada RM100 dan menaikkan kadar dividen Koperasi. Pencadang: Cik Nur Nadiyah binti On Penyokong: Puan Mimi Rohaida binti Muhamad Razali 2. Melabur dalam satu franchais untuk penambahan pendapatan Koperasi. Contoh seperti: tealive atau jomcha dan lain-lain.	/	/	Elaun mesyuarat kekal RM50.00. Tambahan elaun adalah untuk makan minum dan cenderahati.
2	TERENGGANU	Pencadang: Encik Wan Azizi bin Wan Kamaruzaman Penyokong: Puan Siti Zaleha binti Musa 1. Keutamaan penambahan saham diberikan kepada ahli yang mempunyai pegangan saham kurang dari RM500.	/	/	Saham dibuka kepada anggota sekiranya masih terdapat kekosongan disebabkan anggota berhenti/bersara
3	SABAH	Pencadang: Encik Awaluddin bin Adam Penyokong: Encik Rosli bin Yussup 1. Kadar dividen dapat dinaikkan sedikit untuk dinikmati oleh ahli-ahli.	/	/	Kadar dividen tertakluk kepada keuntungan semasa Tahun Kewangan Koperasi. Semakin tinggi keuntungan semakin tinggi dividen diberikan.
4	KELANTAN	Pencadang: Encik Zaharin bin Bakri Penyokong: Puan Suzila binti Jusoh 1. Membuat pelaburan emas digital memandangkan emas merupakan pelaburan yg kompetitif dan kalis inflasi.	/	/	Akan dibincangkan secara terperinci oleh Biro Perniagaan Koperasi

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
5	IBU PEJABAT	Pencadang: Encik Mohamad Nazri bin Mohamed Nor Penyokong: Encik Mohd Khairizal bin Abdul Ghani 1. Mencadangkan penubuhan anak syarikat di bawah Koperasi Kakitangan LPPKN direalisasikan sebagai cabang perniagaan baharu. Pencadang: Puan Nor Azizah binti Mamud Penyokong: Encik Mohamad Nazri bin Mohamed Nor 2. Menyediakan hub perniagaan untuk anggota Koperasi mengiklankan perniagaan masing-masing. Pencadang: Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil Penyokong: Encik Mohd Khairizal bin Abdul Ghani 3. Mencadangkan Koperasi mengadakan perbincangan bersama pihak Idea's Hotel bagi urusan perniagaan/kerjasama pada masa akan datang. Pencadang: Encik Khairi Izan bin Mohd Nazir Penyokong: Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil 4. Memanjangkan tempoh bayaran balik pembiayaan melebihi RM10,000 dari 5 tahun kepada 7 tahun. Pencadang: Encik Muhammad Hanafi bin Ghazali Penyokong: Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil 5. Mencadangkan Koperasi menawarkan pembiayaan patuh syariah pada masa akan datang.	/	/	Promosi telah diadakan seperti di <i>Facebook</i> Koperasi, Laman Sesawang dan <i>Group Whatsapp</i> Komuniti Pembiayaan Koperasi telah mematuhi syariah dan mendapat sijil pematuhan syariah dari pihak Angkasa

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
6	AHLI LEMBAGA KOPERASI	1. Ahli Lembaga Koperasi mencadangkan pembiayaan khas RM20,000.00 tanpa penjamin. Tempoh maksimum 10 tahun dengan kadar 6% setahun. 2. Pembiayaan perayaan dan awal sekolah tiada lagi penjamin bagi kedua-dua pembiayaan tersebut. 3. Ahli Lembaga Koperasi mencadangkan untuk menubuhkan Anak Syarikat Koperasi. 4. Pindaan kepada Undang-undang Kecil i. Perubahan kepada jumlah pembiayaan / jenis pembiayaan ii. Aturan			

Penyata Kewangan



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

PENYATA KEWANGAN

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
(MALAYSIA) BERHAD**

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)
No. Daftar : 4697

31 DISEMBER 2022

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
BAHAGIAN AUDIT KOPERASI**

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

<u>BIL</u>	<u>KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.	Maklumat Korporat	1
2.	Laporan Juruaudit	2 - 4
3.	Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi	5 - 6
4.	Kunci Kira-Kira	7 - 8
5.	Akaun Pembahagian Keuntungan	9
6.	Akaun Untung Rugi	10 - 11
7.	Penyata Aliran Tunai	12 - 13
8.	Nota Kepada Penyata Kewangan	14 - 41

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

Anggota Lembaga Koperasi

En. Ahmad Hashimi bin Mohammad	: Pengerusi
En. Mohd. Azmy bin Jakomar	: Setiausaha
Pn. Sarida binti Hj Saleh	: Bendahari
En. Mohd Firdaus bin Mazalan	: Anggota Lembaga Koperasi
Pn. Rinawati binti Mohamed Nawawi	: Anggota Lembaga Koperasi
Pn. Nor Ashikin binti Saad	: Anggota Lembaga Koperasi
En. Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri	: Anggota Lembaga Koperasi
En. Norhamizan bin Hashim	: Anggota Lembaga Koperasi
En. Salehuddin bin Ismail	: Anggota Lembaga Koperasi

Pejabat Berdaftar, Pentadbiran Dan Surat-Menyurat

Tingkat 9, Bangunan LPPKN
No. 12B, Jalan Raja Laut
50350, Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan

Bank Utama

Malayan Banking Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

Juruaudit

Bahagian Audit Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT
KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

Kepada :

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-anggota **Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara
(Malaysia) Berhad**

Tuan,

Laporan atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (Malaysia) Berhad yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada **31 Disember 2022**, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir **31 Disember 2022** dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting serta nota-nota kepada penyata kewangan seperti yang dibentangkan bersama.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama mengikut *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* dan Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan. Kami melaksanakan pengauditan menurut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi etika dan merancang serta menjalankan kerja-kerja audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang material.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT
KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)**

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (Sambungan)

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah-jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang material ke atas penyata kewangan sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman koperasi yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan bagi merangka prosedur-prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan bertujuan untuk memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman koperasi. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh Lembaga koperasi dan juga penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh memberikan asas yang wajar bagi pendapat kami.

Pendapat Bersyarat

Pada pendapat kami, kecuali kesan ke atas sebarang pelarasan, jika ada, yang mungkin ditentukan perlu untuk kami berpuas hati terhadap asas untuk Pendapat Bersyarat, penyata kewangan ini telah disediakan dengan wajar menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada **31 Disember 2022** dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Asas untuk Pendapat Bersyarat

1. Daftar Aset Tetap

Koperasi tidak menyediakan buku daftar aset tetap bagi merekod semua aset tetapnya pada tahun kewangan berakhir **31 Disember 2022**. Ketiadaan buku daftar ini akan menyukarkan pasukan audit untuk membuat semakan sama ada aset koperasi masih digunakan atau telah dilupuskan.

2. Keuntungan Bersih Terlebih Catat

Didapati keuntungan bersih yang dinyatakan di penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir **31 Disember 2022** telah terlebih catat sebanyak **RM124,190.67** kerana koperasi tidak membuat peruntukan hutang ragu ke atas pembiayaan anggota yang telah tertunggak melebihi tempoh 6 bulan dan ke atas.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT

KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMBUNGAN)


Laporan ke atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Kawal Selia Yang Lain

Mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami kecuali kesan pada penyata kewangan seperti yang diterangkan dalam para Asas untuk Pendapat Bersyarat:

- (a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir **31 Disember 2022** adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- (c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas koperasi adalah munasabah.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya, anggota-anggota koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut kehendak seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.



(MARCELLINUS ANDREAS)

Pengarah

Bahagian Audit Koperasi

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh 9 MAY 2023

Kuala Lumpur

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT PERENGGAN 59 (1)(C) AKTA KOPERASI 1993**

Kami bagi pihak Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan untuk tahun berakhir **31 Disember 2022**.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, kami bagi pihak Lembaga melaporkan bahawa :-

- a) Pada pendapat Lembaga, hasil operasi bagi tahun kewangan berakhir **31 Disember 2022** tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif subseksyen 59(4) Akta Koperasi 1993.
- b) Lembaga bersetuju untuk membuat agihan sepertimana kehendak subseksyen 57(5) Akta Koperasi seperti berikut :
 - i. Cadangan Dividen 2022 dibuat pengiraan atas baki Modal Syer dan Modal Yuran pada 30 Jun 2022 seperti berikut :

a)	Modal Syer	10.0% x RM 114,662	RM 11,466
b)	Modal Yuran	4.0% x RM 6,451,004	RM 258,040
 - ii. Koperasi bercadang membayar Honorarium berjumlah RM10,000 bagi tahun kewangan berakhir **31 Disember 2022**.
- c) Tiada apa-apa hal-hal berbangkit yang menjadikan pematuhan kaedah yang sedia ada bagi pentaksiran aset atau liabiliti koperasi ini mengelirukan atau tidak sesuai.
- d) Tiada liabiliti kontijen yang telah diaku janji oleh koperasi yang belum ditunaikan dalam jangkamasa yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi. Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Lembaran Imbangan adalah munasabah.
- e) Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan pada Kunci Kira-kira pada **31 Disember 2022** adalah munasabah.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT PERENGGAN 59 (1)(C) AKTA KOPERASI 1993 (SAMBUNGAN)

Kami bagi pihak Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh subseksyen 59 (3) Akta Koperasi 1993.



**EN. AHMAD HASHIMI BIN
MOHAMMAD**

Pengerusi



EN. MOHD. AZMY BIN JAKOMAR

Setiausaha



PN. SARIDA BINTI HJ SALEH

Bendahari

Bertarikh: 09 MAY 2023
Kuala Lumpur, Malaysia

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
ASET BUKAN SEMASA			
<u>Loji dan Peralatan</u>			
Kenderaan	4	1	1
Komputer	4	36,495	12,570
Aset-aset Lain	4	50,579	48,684
		<u>87,075</u>	<u>61,255</u>
Pelaburan Hartanah	5	1,320,277	1,498,199
Pelaburan Dalam Syer Siar Harga	6	-	-
Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga	7	659,353	659,353
Pembiayaan Anggota Dan Bukan Anggota	8	5,532,763	5,574,738
Akaun Deposit Koperasi	9	223,955	-
		<u>7,736,348</u>	<u>7,732,290</u>
ASET SEMASA			
Inventori	10	1,839	2,390
Pelbagai Penghutang dan Deposit	11	155,680	126,615
Pembiayaan Anggota dan Bukan Anggota	8	832,465	880,061
Deposit Tetap	12	1,304,143	1,042,802
Wang Di Bank	13	1,338,720	1,771,778
		<u>3,632,847</u>	<u>3,823,646</u>
JUMLAH ASET		<u>11,456,270</u>	<u>11,617,191</u>
DIBIYAI OLEH:			
Modal Syer Anggota	14	113,662	113,762
Modal Yuran Anggota	15	6,598,085	6,242,302
Akaun Rizab Modal	16	9,692	9,692
Akaun Rizab Modal: Penilaian Aset	17	-	404,900
Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus	18	10,000	10,000
Lain-lain Kumpulan Wang/ Tabung Anggota	19	519,010	482,326
Keuntungan Berkumpul		563,190	486,099
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>7,813,639</u>	<u>7,749,081</u>
Kumpulan Wang Rizab Statutori	20	1,049,715	1,022,727
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman Dari SKM	21	1,141,199	1,591,049
Pinjaman Dari Institusi Kewangan Lain	22	424,751	475,520
		<u>1,565,950</u>	<u>2,066,569</u>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**KUNCI KIRA-KIRA (SAMBUNGAN)
PADA 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
LIABILITI SEMASA			
Pinjaman Dari SKM	21	449,851	427,956
Pinjaman Dari Institusi Kewangan Lain	22	41,607	4,964
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	23	4,498	7,264
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	24	2,249	3,632
Dividen	25	269,506	290,047
Honorarium	26	10,000	12,000
Akaun Deposit Koperasi Belum Bayar	27	223,955	-
Pelbagai Pemiutang Dan Akruan	28	25,300	32,951
		<u>1,026,966</u>	<u>778,814</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>11,456,270</u>	<u>11,617,191</u>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. Daftar Koperasi : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
Keuntungan Bersih Tahun Semasa		217,945	325,510
Tambah: Pelarasan Operasi	37	6,955	37,669
Keuntungan Bersih Selepas Pelarasan Operasi		224,900	363,179
TOLAK: PEMBAHAGIAN BERKANUN			
Kumpulan Wang Rizab Statutori 12% (2021 - 12%)		26,988	43,581
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi 2% (2021 - 2%)		4,498	7,264
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi 1% (2021 - 1%)		2,249	3,632
		33,735	54,477
Keuntungan Selepas Pembahagian Berkanun		191,165	308,702
Tolak:			
Peruntukan Zakat		2,500	6,000
TOLAK: PEMBAHAGIAN LAIN			
Dividen Atas Syer 10% (2021: 10%)		11,466	11,236
Dividen Atas Yuran 4.0% (2021: 4.5%)		258,040	278,830
Honorarium Lembaga		10,000	12,000
		279,506	302,066
Baki (Kerugian)/ Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan		(90,841)	636
Tambah: Pelarasan Bukan Operasi	38	167,932	174,579
Keuntungan Terkumpul Pada Awal Tahun		486,099	310,884
Keuntungan Terkumpul Pada Akhir Tahun		563,190	486,099

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan Aktiviti			
Kredit	29	559,441	600,949
Pemborongan/ Peruncitan		4,214	15,436
Pengangkutan	30	-	21,900
Perkhidmatan	31	700	2,100
Pelaburan	32	128,634	176,753
Lain-lain	33	23,449	49,827
JUMLAH		716,438	866,965
PERBELANJAAN			
Kos Jualan/ Kos Aktiviti			
Kredit	29	25,706	53,450
Pemborongan/ Peruncitan		551	1,795
Pengangkutan	30	-	13,142
Pelaburan	32	3,736	2,000
		29,993	70,387
Perbelanjaan Am:			
Fi Audit Suruhanjaya		10,000	-
Fi Juruaudit Swasta		-	10,000
Perbelanjaan Lembaga	34	25,650	21,750
Kos Pinjaman		163,157	152,878
Susutnilai Aset	4,5	25,320	32,177
Rosotnilai Pelaburan		-	10,052
Belanja Mesyuarat Agung		19,103	24,769
Gaji Dan Perbelanjaan Kakitangan	35	117,064	138,068
Pelbagai Perbelanjaan	36	108,206	81,374
JUMLAH		468,500	471,068
Pendapatan/ (Perbelanjaan) Luar biasa		-	-
KEUNTUNGAN BERSIH		217,945	325,510

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN PERDAGANGAN KEDAI KOPERASI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	2022 RM	2021 RM
JUALAN	62,567	105,793
Tolak: Pulangan Jualan	(58,353)	(90,357)
Jualan Bersih	<u>4,214</u>	<u>15,436</u>
TOLAK: KOS JUALAN		
Inventori Awal Tahun	2,390	1,970
Belian	-	2,215
Inventori Akhir Tahun	(1,839)	(2,390)
	<u>551</u>	<u>1,795</u>
KEUNTUNGAN KASAR	<u><u>3,663</u></u>	<u><u>13,641</u></u>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KOPERASI			
Keuntungan bersih sebelum pembahagian berkanun		217,945	325,510
Pelarasan untuk:			
Pelarasan operasi	37	6,955	37,669
Pelarasan bukan operasi	38	167,932	-
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	4	14,006	10,022
Susutnilai pelaburan hartanah	5	11,314	22,155
Dividen atas pelaburan	32	(37,543)	(79,914)
Faedah atas deposit tetap	32	(17,491)	(23,239)
Bangunan pelaburan hartanah terlebih nilai		-	10,000
Akaun rizab modal		(404,900)	-
Rosotnilai pelaburan syer siar harga		-	52
(Kerugian)/ Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		(41,782)	302,255
Kurangan/ (Tambahan) inventori		551	(420)
Tambahan pelbagai penghutang dan deposit		(29,065)	(13,198)
Kurangan pinjaman anggota dan bukan anggota		89,571	747,735
Tambahan/ (Kurangan) pelbagai pemiutang dan akruan		216,304	(22,787)
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi		235,579	1,013,585
Faedah diterima		17,491	23,239
Dividen diterima		37,543	79,914
Zakat dibayar		(2,500)	(10,590)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi		288,113	1,106,148
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN			
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi		(7,264)	(10,474)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi		(3,632)	(5,237)
Lain-lain kumpulan wang/ tabung anggota		36,684	(9,643)
Honorarium Lembaga		(12,000)	(16,000)
Tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan dalam) bayaran berkanun dan agihan		13,788	(41,354)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Belian harta tanah, loji dan peralatan	4	(39,826)	-
Belian pelaburan hartanah	5	(122,500)	(140,000)
Pelupusan pelaburan hartanah	5	289,108	-
Tunai bersih dihasilkan daripada/ (digunakan dalam) aktiviti pelaburan		126,782	(140,000)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	NOTA	2022 RM	2021 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Terimaan modal syer dan yuran ahli		537,614	528,863
Modal syer dan yuran ahli dikeluarkan		(181,931)	(389,929)
Bayaran balik pinjaman dari SKM		(427,956)	(407,126)
Bayaran balik pinjaman dari Institut kewangan lain		(14,125)	(1,560)
Bayaran dividen anggota		(290,047)	(326,336)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(376,445)	(596,088)
Tambahan tunai dan kesetaraan tunai		52,238	328,706
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		2,814,580	2,485,874
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun		2,866,818	2,814,580
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:			
Wang di bank	13	1,338,720	1,771,778
Deposit tetap	12	1,304,143	1,042,802
Akaun deposit koperasi	9	223,955	-
		2,866,818	2,814,580

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian dari penyata kewangan.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

NOTA 1 - MAKLUMAT KORPORAT

Koperasi ini adalah sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan beroperasi di Malaysia. Alamat berdaftar dan alamat perniagaan koperasi adalah di Tingkat 9, Bangunan LPPKN, No.12B, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Kegiatan utama koperasi adalah menjalankan pembiayaan kepada anggota-anggota koperasi, memberi pembiayaan pengguna, khas perayaan atau pendidikan, umrah, kedai runcit, menyewakan kedai, permit, tapak dan menguruskan skim perlindungan takaful. Pada tarikh pelaporan ini, koperasi telah menjalankan pembiayaan baru iaitu pembiayaan tanpa cagaran kepada anggota-anggota.

Penyata kewangan adalah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

Penyata kewangan koperasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 disahkan oleh Lembaga Koperasi bertarikh 9 Mei 2023.

NOTA 2 - ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board (MASB)* yang telah disesuaikan dengan GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi untuk mematuhi Akta Koperasi 1993.

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan penting.

Penyata kewangan telah disediakan dengan andaian bahawa kegiatan dan operasi koperasi adalah berterusan.

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 Harta Tanah, Loji dan Peralatan

Harta Tanah, Loji dan Peralatan bagi operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan dalam pengeluaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau disewakan (kecuali sewaan tanah dan bangunan) apabila koperasi mempunyai kawalan ke atas aset tersebut. Aset, termasuk alat ganti utama, peralatan, dan peralatan siap sedia, diklasifikasikan kepada kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian susulan bagi satu komponen penting dalam aset yang sedia ada akan dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen lama tidak dimasukkan. Sebarang penambahbaikan akan dipermodalkan jika ia dapat meningkatkan manfaat ekonomi aset tersebut.

Semua harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan untuk digunapakai pihak pengurusan.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.1 Harta Tanah, Loji dan Peralatan (Sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, semua harta tanah, loji dan peralatan adalah pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Kaedah susutnilai yang digunakan adalah seperti berikut:

<u>Kaedah garis lurus</u>	Kadar
Kenderaan	10%
Komputer	10%
Perabot dan kelengkapan	10%
Ubahsuai	10%

3.2 Pelaburan Hartanah

Koperasi mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk lantai bangunan), atau kedua-dua tanah dan bangunan, termasuk rumah yang masih dalam pembinaan, sebagai pelaburan hartanah jika ia dimiliki untuk peningkatan nilai modal, pendapatan sewa atau tujuan penggunaannya belum ditentukan. Pelaburan hartanah direkod pada kos pada pengiktirafan awal. Kos pelaburan hartanah terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung untuk membawa hartanah ke lokasi dan keadaan untuk digunapakai sebagai pelaburan hartanah. Kos pelaburan hartanah yang dibina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Bagi tujuan pengukuran susulan, barang-barang peralatan yang yang tidak dapat dipindahkan dan barang-barang yang bersambung secara fizikal pada bangunan seperti lif, sistem elektrik dan sistem penyaman udara, dianggap sebagai sebahagian daripada harta tersebut. Koperasi menggunakan model nilai saksama untuk menilai pelaburan hartanah selepas pengiktirafan awal sekiranya nilai saksama boleh diukur secara pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran siar harga, sekiranya boleh diperhatikan. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah selaras dengan kehendak para 60.5, GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi. Semua pelaburan hartanah lain dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Susutnilai telah dikira supaya mengikut asas garisan lurus atas tempoh penggunaan harta berkenaan. Kadar susutnilai untuk bangunan pegangan pajak jangka panjang adalah 99 tahun.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih (yang merupakan harga jualan anggaran ditolak kos untuk disiapkan dan dijual). Kos terdiri daripada harga pembelian dan kos langsung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya.

Bagi barang-barang yang dikilang, kos termasuk kos buruh dan kos boleh ubah serta overhead pengeluaran tetap. Untuk item inventori yang ketara secara individu atau diasingkan untuk projek-projek tertentu, kos diukur dengan menggunakan kaedah pengenalan tertentu. Untuk barang-barang inventori yang seragam, kos ditentukan melalui formula kos purata wajar. Nilai boleh realisasi bersih adalah berdasarkan asas item demi item atau kumpulan asas barangan yang sama.

3.3 Instrumen Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Koperasi mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) di dalam kunci kira-kira apabila, dan hanya apabila, ia menjadi satu pihak dalam peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urusniaga dibelanjakan dalam untung atau rugi apabila berlaku.

(b) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu luput, atau apabila koperasi memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan, termasuk keadaan apabila koperasi bertindak hanya sebagai ejen pemungutan penerima pindahan, dan mengekalkan risiko dan ganjaran yang tidak ketara bagi pemilikan aset kewangan atau tiada penglibatan berterusan dalam kawalan aset kewangan yang di pindahkan.

Liabiliti kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dibatalkan secara sah, sama ada apabila syarat yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Perubahan ketara pada terma bagi liabiliti kewangan sedia ada menyumbang kepada penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Bagi tujuan ini, koperasi mempertimbangkan perubahan yang ketara jika nilai semasa aliran tunai yang disemak bagi terma yang diubah suai serta didiskaun pada kadar faedah efektif asal dengan perbezaan sebanyak 10% atau lebih jika dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti yang asal.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Instrumen Kewangan (Sambungan)

(c) Pengukuran Susulan Aset Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dalam instrumen tersiar harga diukur pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran aktif. Perubahan dalam nilai saksama syer dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer selaras dengan kehendak para 60.8 GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

Pelaburan dalam instrumen tidak siar harga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, diukur pada kos.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, semua aset kewangan adalah tertakluk kepada semakan semula untuk rosotnilai seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.3 (f).

(d) Pengukuran Susulan Liabiliti Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos selaras para 60.6 GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.

(e) Pengukuran Nilai Saksama Aset Kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan berdasarkan kepada harga pasaran siar harga dalam pasaran aktif dan sekiranya tiada harga pasaran yang boleh diperolehi, teknik penilaian adalah berdasarkan andaian munasabah dan disokong.

(f) Rosotnilai dan Ketidakbolehkutipan Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, koperasi mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Bukti-bukti yang mencetus kehilangan adalah termasuk: (i) kesukaran yang ketara kepada penerbit atau penanggung kontrak; (ii) pelanggaran kontrak, seperti lalai atau kegagalan pembayaran faedah atau bayaran pokok; (iii) memberikan konsesi yang luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan bahawa pelanggan akan muflis atau penyusunan semula kewangan yang lain; (v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) apa-apa data pasaran yang menunjukkan bahawa kemungkinan ada pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada kumpulan aset kewangan.

No. Daftar Koperasi. : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Instrumen Kewangan (Sambungan)

(f) Rosotnilai dan Ketidakbolehkutipan Aset Kewangan (Sambungan)

Pinjaman anggota adalah diklasifikasi sebagai tidak berbayar jika prinsipal atau faedah/ bayaran perkhidmatan/ keuntungan atau kedua-duanya perlu dibayar tetapi tidak dibayar selama enam (6) bulan atau lebih. Bagi pinjaman tidak berbayar, sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam akaun untung rugi dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun peruntukan rugi. Mana-mana pembalikan susulan bagi kerugian rosotnilai aset kewangan akan dibalikkan dalam akaun untung rugi dengan pelarasan kepada akaun peruntukan rugi, tertakluk kepada had, yang pembalikan tidak boleh menyebabkan jumlah bawaan yang disemak semula bagi aset kewangan melebihi jumlah yang ditentukan sekiranya tidak mempunyai kerugian rosot yang diiktiraf sebelum ini.

Bagi penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang jangka pendek, di mana kesan pengurangan jumlah adalah tidak material; kerugian rosotnilai diuji bagi setiap penghutang ketara secara individu sekiranya terdapat sebarang petunjuk rosotnilai. Penghutang ketara secara individunya yang mana tiada kerugian rosotnilai diiktiraf akan dikumpulkan bersama dengan lain-lain penghutang melalui klasifikasi berdasarkan ciri-ciri risiko kredit dan pengumuran penghutang terbabit mengikut tempoh hutang yang dibenarkan.

Bagi pelaburan ekuiti tidak tersiar harga dinyatakan pada kos ditolak rosotnilai, di mana rosotnilai adalah perbezaan di antara jumlah bawaan aset dan anggaran terbaik (yang semestinya berdasarkan penghampiran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) yang mana koperasi menjangka penerimaan untuk aset jika ia dijual pada tarikh laporan.

Koperasi boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

3.4 Modal Syer dan Modal Yuran

(i) Modal Syer

Modal syer direkodkan pada jumlah yang diterima, bersih daripada kos transaksi berkaitan secara langsung. Modal syer diklasifikasikan sebagai ekuiti.

(ii) Modal Yuran

Modal yuran direkodkan pada jumlah yang diterima, bersih daripada kos transaksi berkaitan secara langsung. Modal yuran diklasifikasikan sebagai ekuiti.

No. Daftar Koperasi : 4697

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

NOTA 3 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Manfaat pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Gaji, bonus dan lain-lain manfaat jangka pendek diakrukan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada kakitangan koperasi.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Koperasi membuat caruman berkanun kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Perkeso. Caruman ini akan diiktiraf sebagai belanja di akaun untung rugi secara akrual. Apabila caruman telah dibayar, koperasi tidak lagi mempunyai tanggungjawab pembayaran.

3.6 Peruntukan

Koperasi mengiktiraf liabiliti sebagai peruntukan jika aliran keluar yang diperlukan untuk menyelesaikan liabiliti adalah tidak pasti dalam bentuk masa atau jumlah.

